

Simposium bincang identiti Melayu



DR AMEEN TALIB: Bulan Bahasa ini memberi peluang kepadanya berlatih bercakap dalam bahasa Melayu.

► **AZAHAR MOHD**
azahar@sph.com.sg

SATU simposium bagi membincangkan hala tuju identiti Melayu Singapura telah diadakan kelmarin.

Bertajuk *Menjana Identiti Melayu Singapura – Ke Mana Arah Kita?*, ia dianjurkan bersama Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Melayu dan Islam (Rima) dan kumpulan Facebook ‘Bicara Bangun Bangsa’.

Tetamu terhormat simposium di auditorium Taman Warisan Melayu itu ialah Anggota Parlimen Bishan-Toa Payoh GRC, Encik Zainudin Nordin.

Ketika merasmikan simposium itu, pengerusi Rima, Dr Ameen Talib, berkata beliau memutuskan berucap dalam bahasa Melayu walaupun tidak begitu fasih ke-

rana sempena Bulan Bahasa, yang berakhir semalam.

“Bagi saya, Bulan Bahasa ini memberi peluang kepada orang-orang seperti saya berlatih bercakap dalam bahasa Melayu kerana jika tidak melakukan demikian, lama-kelamaan bahasa Melayu mungkin pupus.

“Pemahaman bahasa penting untuk kita menghayati sesuatu budaya. Tanpa bahasa, agak sukar bagi sesuatu budaya diwarisi. Tanpa budaya tersendiri, kita mungkin menghadapi krisis identiti,” kata beliau.

Ketua umum ‘Bicara Bangun Bangsa’, Encik Mohd Idhamsahbani Ahmad, pula berkata idea menganjurkan simposium itu timbul kerana anak-anak beliau sendiri lebih selesa berbahasa Inggeris di rumah dan dengan rakan-rakan mereka.